

**Re-Incom Enterprise  
NO 3A Taman Mahsuril  
Bandar Darul Aman  
06000 Jitra  
Kedah Darul Aman**

**Pemasangan Komponen Alat Perhubungan  
Jarak Sederhana Dan Telefon Bimbit**

**Disediakan Oleh :  
Azuan Hadi Bin Ismail  
95751371  
Maswandi Bin Othman  
95611201  
Nizan Johar Bin Abdul Wahab  
95687918**

**27 Ogos 1997**

**ETR 300  
Diploma Perakaunan  
kelas 5D**

**Disediakan Untuk :  
En. Amran Bin Awang  
Pensyarah Asas Keusahawanan  
ETR 300  
Institut Teknologi MARA  
Cawangan Perlis**

## ISI KANDUNGAN

BIL	ISI	MUKA SURAT
1	MUQADDIMAH	1
2	PENGENALAN	2
3	SEKALUNG PENGHARGAAN	4
4	TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	6
5	LOGO SYARIKAT	8
7	SURAT PENYERAHAN	10
8	LATAR BELAKANG PEMILIK	12
9	LATAR BELAKANG SYARIKAT	15
10	PERJANJIAN PERKONGSIAN	16
11	LATAR BELAKANG PROJEK	21
12	RANCANGAN PENTADBIRAN	25
13	RANCANGAN PEMASARAN	40
14	RANCANGAN OPERASI	62
15	RANCANGAN KEWANGAN	77
16	RUMUSAN	106
	LAMPIRAN	

**PENGENALAN.**

Dalam menerokai kecanggihan teknologi yang semakin menghimpit kehidupan seharian kita alat-alat telekomunikasi amnya alat perhubungan mempunyai prospek perniagaan yang amat cerah seiring dengan saranan kerajaan memperkenalkan Multimedia Super Corridor (MSC) ataupun Koridor Raya Multimedia di samping konsep Teknologi Maklumat (Information Technology) di Malaysia menjelang alaf baru yang di bayangi oleh Wawasan 2020.

Menyedari hakikat inilah, kerajaan amnya menggalakkan masyarakat khususnya untuk sama-sama menerokai bidang yang berasaskan teknologi khususnya dalam sistem telekomunikasi. Dewasa ini kita dapati perkembangan pembangunan di Malaysia semakin ketara jika di lihat dari segi ekonomi dan infrastrukturnya. Justeru dengan itu sistem perhubungan terutamanya telekomunikasi berperanan sebagai pemangkin selari dengan kepesatan penduduk Malaysia yang semakin bertambah.

Melalui pemerhatian yang telah kami lakukan, insya-Allah perniagaan yang bakal kami ceburi ini dapat membawa pulangan yang memuaskan. Oleh itu kami telah bersepakat dan bersetuju untuk menubuhkan sebuah syarikat perkongsian yang di daftarkan atas nama **Re-Incom Enterprise**. Syarikat ini akan beroperasi untuk memasang komponen alat perhubungan jarak sederhana dan telefon bimbit di mana syarikat ini akan mula beroperasi pada 1 Januari 1998 beroperasi di Bandar Darul Aman Jitra Kedah Darul Aman.

**Re-Incom Enterprise** akan diterajui oleh tiga orang rakan kongsi yang akan menguruskan syarikat ini mengikut syarat-syarat yang telah di persetujui. Pada dasarnya **Re-Incom Enterprise** akan mempunyai pelanggan-pelanggan yang terdiri

daripada individu-individu, kontraktor-kontraktor, badan-badan kerajaan dan syarikat-syarikat perniagaan yang memerlukan produk ini.

Dengan tertubuhnya **Re-Incom Enterprise** ini maka dapatlah menampung permintaan terhadap produk yang berasimilasikan telekomunikasi. Kami yakin dengan perniagaan yang kami ceburi ini akan membawa pulangan yang besar selaras dengan pembangunan dan permintaan yang begitu tinggi terhadap barangan yang akan kami keluarkan.

**LATAR BELAKANG SYARIKAT**

Nama syarikat : Re-Incom Enterprise  
Alamat syarikat : No. 3A Taman Mahsuri 1C  
Bandar Darul Aman  
06000 Jitra  
Kedah Darul Aman  
Alamat surat-menyurat : S.D.A  
No. Telefon : 04-9716385  
Bentuk syarikat : Perkongsian  
Kegiatan utama : Pemasangan Komponen Alat Perhubungan Jarak  
Sederhana dan Telefon Bimbit  
Tarikh mula beroperasi : 1 Januari 1998  
Nama Bank : Bank Bumiputera Malaysia Bhd.  
No. Akaun : 72-012-00658-91